

Headline	Kejayaan jadi inspirasi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Dec 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	31	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	471 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,174
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,522



Kejayaan jadi inspirasi

Hakikatnya, inilah wajah wanita yang dicatatkan seawajarnya menjadi inspirasi kepada golongan hawa lain untuk menempa kecemerlangan menyaingi kehebatan lelaki, sepanjang 2014:

JANUARI

Senior Asisten Komisioner **Nahariah Hussein**, 57, pegawai kanan polis wanita pertama dilantik sebagai Komandan Pusat Latihan Polis (PULAPOL). Beliau yang sebelum ini Ketua Penolong Pengarah D1 (Pentadbiran) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, dilantik menggantikan Senior Asisten Komisioner **Zulkifli Mohamad** yang menyandang jawatan Ketua Penolong Pengarah (Perkhidmatan) Jabatan Pengurusan Bukit Aman.

Dalam reaksi sebagai komandan wanita pertama, beliau mempunyai misi menjalankan tugas sebaiknya selain membawa PULAPOL sebagai pusat latihan polis terbaik di negara ini dan sebelum ini mempunyai 37 tahun pengalaman dalam bidang kepolisan.

Pelumba basikal wanita kebangsaan, **Fatehah Mustapha** menang pingat perak dalam acara Keirin Wanita pada Sukan Asia 2014, di Incheon, Korea Selatan. Beliau turut melakar sejarah sebagai pelumba wanita trek pertama negara yang menaiki podium pada siri ketiga perlumbaan di Guadalajara, Mexico.

MAC

Portal dalam talian, *Muslim-Science.Com*, menyenaraikan '20 Saintis Wanita Paling Berpengaruh Dalam Sains' dalam Dunia Islam.

Dua wanita Malaysia antara 20 wanita Islam paling berpengaruh dalam bidang sains dunia Islam pada peringkat antarabangsa dalam bidang masing-masing iaitu Dekan Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof Datin Paduka Dr Khattijah Yusoff**, membabitkan diri dalam kerja penyelidikan sejak hampir tiga dekad sebagai saintis. Beliau sudah banyak melakukan kajian dan antara yang memberi kesan ialah genetik

mikrob hinggalah biologi molekul berkaitan virus penyakit Newcastle (NDV) dan paramiksovirus lain yang menjurus kepada vaksin antikanser.

Saintis di Jabatan Perubatan, Universiti Malaya, **Prof Dr Adeeba Kamarulzaman**, mendalami kepakaran dunia perubatan khususnya bidang penyakit berjangkit seperti HIV/Aids. Dr Adeeba dikatakan mula mendalami kepakaran dalam bidang penyakit berjangkit khususnya HIV ketika bertugas di Fairfield Infectious Diseases Hospital, Melbourne, Australia pada 1996. Ketika penularan virus HIV di dunia, kebanyakan pesakit ialah dalam kalangan generasi muda, manakala rawatan pula masih lagi baharu. Faktor inilah menjadi tarikan kuat kepada dirinya untuk mendalami kepakaran dalam bidang itu dan kehebatannya diiktiraf.

JUN

Pelari solo negara, **Suwaibah Muhammad Nasir** menyempurnakan Larian laluan Sutera-Across Reverse of Marco Polo.

Setakat ini, mencatat 10 rekod dalam *Malaysian Book of Records*. Kini, beliau dalam perjalanan mencatat rekod dalam *Guinness World Book of Records* sebagai wanita Malaysia pertama berlari solo merentasi laluan perdagangan bersejarah itu.

Suwaibah merentasi empat benua dan 12 negara termasuk China, Kyrgyzstan, Kazakhstan, Uzbekistan, Turkmenistan, Iran, Turki, Bulgaria, Serbia, Croatia, Slovenia dan Itali, sejauh 3,333 kilometer.

OGOS

Datuk **Jamelah A Bakar** dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB), pertengahan tahun lalu. Lulusan Diploma dalam bidang Kewartawanan dari International Institute of Journalism, Berlin, Jerman dan Ijazah dalam bidang Pengiklanan dan Penerbitan dari Amerika Syarikat juga menjadi Ahli Lembaga Pengarah KUB Malaysia Bhd sejak Ogos 2013, selain menjadi pengasas dan Naib Pengerusi Women & ASEAN Economic Community Business Founda-

tion (WAB) yang dianggotai oleh ahli perniagaan wanita negara ASEAN.

Datuk **Yasmin Mahmood** dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC). Berpengalaman lebih 25 tahun dalam industri multimedia dijangka dapat memacu pertumbuhan MDeC termasuk Koridor Raya Multimedia Malaysia dan Digital Malaysia.

SEPTEMBER

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengumumkan untuk menubuhkan '30% Club' khususnya bagi sektor awam untuk meningkatkan bilangan wanita pada pembuat keputusan.

Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) difahamkan sedang meneliti kemungkinan untuk Malaysia mempunyai kelab sendiri yang berasaskan kepada acuan dan mekanisme bersesuaian.

Isteri Perdana Menteri, **Datin Seri Rosmah Mansor** menerima Anugerah Hero STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) sempena pelancaran Perikatan STEM Global di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Anugerah antarabangsa itu disampaikan oleh Pengerusi Majlis Presiden Akademi Sains New York, Nancy Zimpher yang juga Canselor State University of New York.

Rosmah menegaskan, anugerah berkenaan bukan hanya untuk dirinya, tetapi juga mereka yang bekerja keras menjayakan program PERMATA.

Ratu skuasy negara, Datuk **Nicol Ann David** muncul juara lapan kali dan kemenangan dirangkul sepanjang tahun ini tidak menidakkan beliau sebagai pemain nombor satu dunia selepas muncul juara kali kesembilan terbuka Hong Kong.

DISEMBER

Genting Malaysia Bhd melantik aktres antarabangsa kelahiran Malaysia, Tan Sri **Michelle Yeoh** sebagai duta baharu jenama

Headline	Kejayaan jadi inspirasi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Dec 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	31	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	471 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,174
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,522

Genting, Yeoh dipilih kerana beliau adalah ikon kelahiran Malaysia berkelas dunia dan mam- pu menarik lebih ramai pengunjung terutama dari luar negara dalam usaha memperkenalkan pusat peranginan itu pada mata dunia.

Headline	Kejayaan jadi inspirasi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Dec 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	31	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	471 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,174
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,522



Nahariah Hussein



Dr Adeeba Kamarulzaman



Nicol Ann David



Yasmin Mahmood



Jamelah A Bakar



Suwaibah



Michelle Yeoh